

Seminar International Serumpum Melayu Tahun 2011

Sulawesi, Indonesia

8-9 Jun 2011

**Hajjah Wan Aminah Haji Hasbullah
Dr. Haji Mujahid Bakar
Pusat Pengajian Sains Kesihatan**



PEMBANGUNAN, PSIKOLOGI, DAN MASALAH SOSIAL

SEMINAR INTERNASIONAL SERUMPUN MELAYU V (8-9 Juni 2011)

**Pelaksana Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Unhas Makassar atas kerjasama
Universitas Hasanuddin Indonesia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia**

**UNSUR PERADABAN MELAYU-ISLAM DALAM
AMALAN PERUBATAN SPIRITUAL
MASYARAKAT MELAYU KELANTAN, MALAYSIA: ¹⁴
Satu Tinjauan Kritis**

Hajjah Wan Aminah Haji Hasbullah¹⁵
E-mail : waminah@kb.usm.my

**Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia,
Kampus Kesihatan, Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu
Kelantan**

Dr Haji Mujahid Bin Bakar¹⁶,
E-mail : mujahid@kk.usm.my

**Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia,
Kampus Kesihatan, Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu,
Kelantan**

Abstrak

Penyebaran syiar Islam ke Nusantara pada abad ke 15 telah mewujudkan suatu fenomena baru dalam sistem peradaban masyarakat Melayu di gugusan Kepulauan Melayu, pemeraksanaan peradaban Melayu-Islam yang merangkumi seluruh aspek kehidupan, perubahan minda masyarakat Melayu Islam dapat dinilai dari segi sistem nilai, sistem kepercayaan, adat istiadat dan kesenian masyarakat Melayu di rantau ini. Justeru, sistem perubatan tradisional Melayu turut mengalami beberapa perubahan dari segi amalan, adat, budaya dan kepercayaan masyarakat yang berkaitan perubatan. Falsafah dan amalan perubatan tradisional Melayu sangat berkait rapat antara hubungan manusia dengan Tuhannya, hubungan dengan masyarakat serta dengan alam sekeliling. Bentuk hubungan ini melahirkan pelbagai bentuk kepercayaan seperti spiritual, magis, sistem pantang larang masyarakat Melayu dan juga sistem yang ditunjangi oleh unsur-unsur keagamaan. Kajian Gimlette (1913), Winstedt (1951), Endicott (1971), Syed Husin Al-Attas (1970), Mohd Taib Osman (1977 & 1988) dan Winzeler (1983) antara lain menyentuh tentang sistem kepercayaan masyarakat Melayu dalam aspek perubatan tradisional. Hakikatnya pandangan

¹⁴ Penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para pengamal perubatan tradisional Melayu yang sempat ditemubual di beberapa daerah dan kawasan terpilih di Kelantan (Julai 2009 – Januari 2010). Juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia melalui geran penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini.

¹⁵ Pemakalah merupakan pensyarah dalam bidang antropologi perubatan di Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah etnoperubatan, sosiobudaya Melayu dan perubatan tradisional Melayu.

¹⁶ Pemakalah merupakan pensyarah dalam bidang Tamadun dan Pengajian Islam di Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Tamadun Islam, Feqh Perubatan dan Pengajian Islam.

semesta masyarakat Melayu tidak banyak berubah selepas pengenalan kaedah perubatan moden ke negara ini. Kaedah perubatan secara tradisional masih terus dipraktikkan sama ada secara tunggal atau seiring dengan perubatan Islam dan juga sistem perubatan moden yang ada pada hari ini. Kepercayaan dan tanggapan masyarakat Melayu mengenai wujudnya unsur-unsur ghaib dan halus masih tidak boleh dihapuskan walaupun zaman semakin berubah dan kaedah perubahan moden semakin canggih. Kertas kerja ini akan mengemukakan suatu pandangan kritis terhadap unsur peradaban Melayu Islam dalam amalan perubatan spiritual khususnya di kalangan masyarakat Melayu di Kelantan, Malaysia berdasarkan kajian etnografi. Perbincangan kertas kerja ini meliputi sejauhmana unsur peradaban Melayu Islam masih diamalkan dalam aspek perubatan spiritual masyarakat Melayu di negeri berkenaan, apakah bentuk perubahan, sudut pandangan masyarakat tempatan serta unsur budaya baru yang dipraktikkan dalam sistem perubatan tersebut bersesuaian dengan perubahan zaman dan masa.

Kata Kunci : Peradaban, Melayu-Islam, perubatan, spiritual, Melayu, Kelantan, Malaysia

Pengenalan

Kajian yang melibatkan sistem perubatan tradisional dalam kalangan orang Melayu di Semenanjung Malaysia termasuk perubatan berasaskan spiritual telah mula mendapat perhatian para pengkaji barat sejak abad ke 19 lagi. Kajian awal menunjukkan wujudnya beberapa tema atau fokus tertentu yang menghuraikan secara terperinci tentang sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu pada ketika itu. Tema-tema yang menjadi perhatian para pengkaji barat ialah kepercayaan masyarakat (*belief system*), peranan bomoh dan pawang termasuk bidan kampung, upacara dan kaedah penyembuhan, konsep kesihatan dan penyakit termasuk *Culture Bound Syndromes*.

Orang Melayu mempunyai suatu pandangan semesta tradisional yang kemudiannya diubahsuai dengan kedatangan serta penerimaan agama-agama Hindu-Buddha dan selepas kedatangan Islam, lahirnya pandangan semesta Melayu-Islam terhadap bidang perubatan tradisional dan menjadi teras pegangan masyarakat Melayu sehingga sekarang. Keadaan ini telah mengubah perspektif masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk juga pandangan dan sistem kepercayaan dalam amalan perubatan orang Melayu.

Kajian mengenai sistem perubatan tradisional Melayu sehingga kini menekankan aspek hubungan manusia dengan persekitarannya. Umumnya manusia dipengaruhi oleh kebudayaannya sehingga ia melihat dan mengamati dunia di sekelilingnya dengan cara yang berbeza daripada kebudayaan lain.

Sistem kepercayaan dalam masyarakat Melayu wujud dalam pelbagai bentuk seperti magis, sistem pantang larang, adat, budaya, perlakuan, peristiwa tertentu dan juga amalan keagamaan. Ditambah pula dengan perkembangan kaedah perubatan moden yang agak lewat sampai dalam kalangan masyarakat Melayu, maka sistem perubatan tradisional ini diamalkan secara meluas dalam masyarakat Melayu.

Ini menunjukkan bahawa sistem perubatan tradisional Melayu mempunyai hubungkait dengan ekosistem kehidupan dan penyakit yang dihadapi oleh orang Melayu. Justeru menentukan keberlansungan sistem etnoperubatan yang semakin diberi perhatian oleh masyarakat walaupun sistem perubatan moden amat efisien dan menolak amalan-amalan mistik perubatan tradisional yang terdapat dalam sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Akhirnya pengetahuan yang berbentuk lokal dalam sistem perubatan tradisional

diketengahkan sebagai suatu "social capital" yang menyumbang kepada perkembangan pemikiran dan pandangan semesta orang Melayu.

Sebelum kedatangan Islam, sistem kepercayaan masyarakat Melayu adalah berasaskan animisme dan dinamisme. Sistem animisme mempercayai bahawa setiap objek ada jiwa, roh dan semangat yang mempunyai perwatakan sendiri dan kepercayaan ini telah melahirkan banyak pantang larang. Manakala sistem dinamisme pula mempercayai kewujudan tenaga di dalam roh, jiwa dan semangat dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda yang boleh mendatangkan kesan baik dan buruk kepada manusia. Kepercayaan ini dinamakan magis iaitu penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan perbuatan dan upacara tertentu yang dilakukan oleh bomoh atau pawang. Tenaga tersebut dapat digunakan sama ada untuk kepentingan sendiri atau merugikan orang lain. Situasi tersebut turut mempengaruhi sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu (Skeat 1984, Werner 1986 & 2002, Winstedt, 1950).

Sistem perubatan tradisional Melayu seringkali ditafsirkan bersifat tradisional, mistik dan tidak rasional dari segi amalannya. Namun begitu ia masih mendapat tempat dalam masyarakat Melayu sehingga kini dan di kalangan orang Melayu yang masih menggunakan perkhidmatan bomoh atau dukun untuk menyelesaikan sesetengah masalah dalam kehidupan (Fatan Hamamah, 1990). Walaupun dilabelkan kolot, haram, syirik terhadap kaedah yang diguna pakai oleh sesetengah bomoh dan dukun, kemujaraban hasil perbomohan atau perdukunan tersebut yang mendapat kepuasan pelanggannya. Sesuatu yang menarik untuk difikirkan ialah penggunaan unsur-unsur alam semulajadi daripada flora dan fauna dalam sistem pengubatan Melayu memang tidak boleh dikesampingkan. Salah satu faktor yang paling ketara dalam pemilihan tersebut ialah pergantungan manusia kepada sistem ekologi. Sistem ekologi masyarakat dapat dijelaskan melalui sistem ekologi manusia, ekologi budaya dan ekologi yang bercorak supernatural. Kesemua penerangan tentang sistem ekologi masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem pemikiran mereka terutama yang berkaitan dengan kehidupan sosial dan sistem agama.

Kertas kerja ini akan mengupas mengenai pengaruh peradaban Melayu- Islam dalam sistem perubatan tradisional Melayu khususnya dalam sistem perubatan spiritual masyarakat Melayu Kelantan. Kajian etnografi yang dijalankan di beberapa buah daerah di Kelantan memperlihatkan wujudnya perubahan dari sudut pandangan masyarakat Melayu serta kewujudan budaya baru dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu di negeri ini. Penghakisan pengaruh Hindu-Buddha serta pemantapan unsur peradaban Melayu-Islam dalam sistem perubatan tradisional Melayu telah melahirkan suatu tren baru dalam amalan pengubatan tradisional dalam kalangan masyarakat tersebut.

Objektif kajian

Kertas kerja ini mempunyai dua objektif utama, iaitu :

1. Mengetengahkan unsur-unsur peradaban Melayu-Islam dalam sistem perubatan tradisional spiritual Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan
2. Menerangkan hubungkait antara unsur agama, budaya dan adat dalam amalan perubatan tradisional Melayu

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan sebagai kaedah utama di samping itu kaedah temubual bersemuka dan pemerhatian turut serta juga digunakan. Antara informan yang dilibatkan dalam kajian ini ialah para bomoh spiritual dan bomoh